

2.0 PELAN KORPORAT LPP 2016 - 2020

Pelan Korporat LPP merupakan dokumen perancangan strategik utama yang menjelaskan pernyataan visi, misi, teras strategik, keutamaan dan sasaran yang akan dicapai untuk LPP bagi tempoh lima tahun akan datang iaitu dari tahun 2016 hingga 2020. Pelan ini digubal bagi menghuraikan strategi-strategi dan inisiatif LPP melaksanakan tugas dan tanggungjawab membangunkan institusi dan ahli peladang bagi tempoh 2016 hingga 2020. Tujuh strategi teras telah dibangunkan sebagai garis panduan untuk warga kerja LPP dan PP merencana dan melaksanakan program dan aktiviti berkaitan. Kesemua Strategi Teras tersebut merangkumi tugas-tugas pembangunan, pengurusan dan urusan pendaftar yang sedang berlangsung di LPP dan PP. Lapan (8) Strategi Teras adalah seperti berikut :

- i. Mendaulatkan pengeluaran agromakanan.
- ii. Transformasi Industri Asas Tani (IAT), Automasi & Mekanisasi.
- iii. Membangunkan Pertubuhan Peladang sebagai entiti perniagaan & pemangkin pemasaran.
- iv. Meremajakan Pertubuhan Peladang.
- v. Transformasi Regulatori.
- vi. Membangunkan modal insane & profesionalisma anggota/peladang.
- vii. Memperkasakan sistem penyampaian yang berkesan.
- viii. Memperkasakan teknologi maklumat (IT) sebagai teras kecemerlangan organisasi.